

12 SEP 2003

Bajet-NGO

PERKONGSIAN BIJAK NGO-KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri mahu badan-badan bukan kerajaan (NGO) menjalinkan persefahaman melalui perkongsian bijak dengan kerajaan ke arah membina sebuah masyarakat yang bertanggungjawab dan penyayang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata untuk itu, NGO perlu mewujudkan satu piawaian bagi menilai prestasi, terutamanya daripada aspek keberkesanan kepimpinan, kegiatan dan pengurusan kewangan.

"Ini akan membolehkan mereka memainkan peranan sebagai badan sukarela secara lebih beretika, efisien dan berakauntabiliti," katanya ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata bagi membantu NGO untuk menjalankan aktiviti masing-masing, kerajaan memperuntukkan RM96.4 juta termasuk RM6 juta untuk pencegahan AIDS, RM20 untuk pembangunan wanita dan keluarga, RM20.8 juta bagi program kesihatan dan RM26.6 juta bagi aktiviti membantu golongan kurang upaya.

Beliau berkata kerajaan semenangnya menghargai sumbangan NGO dalam melaksanakan kegiatan kebajikan serta menyanjung tinggi semangat kesukarelawan merka sehingga sanggup mempertaruhkan keselamatan diri demi melaksanakan misi mereka.

"Kita telah menyaksikan ketabahan dan keberanian MERCY semasa misi damai mereka menyampaikan bantuan kepada mangsa perang di Afghanistan dan Iraq," katanya.

-- BERNAMA  
NER MFJ RHM